


UMS banyak bantu sepanjang pengajian

UB 01.04.2022 P.03

Pengakuan OKU penglihatan sehingga terima ijazah pada majlis konvokesyen



KENANGAN: Asmarina bergambar bersama skrol Ijazah.

Oleh Vivi Oliviana Najurus

KOTA KINABALU: Sepanjang menuntut di Universiti Malaysia Sabah (UMS), graduan Orang Kelainan Upaya (OKU) Asmarina Umar, 25, tidak berhadapan dengan masalah dan mampu menjalani kehidupan dengan baik di kampus ini.

Semasa ditemui selepas menerima Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian (Sejarah) pada sidang lima, Majlis Konvokesyen UMS ke-22, Asmarina berkata ia kerana UMS banyak membantu dari segi keperluan dan kebajikan pelajar sepertinya yang membuatkan mereka mampu menjalani kehidupan kampus dengan baik tanpa berasa dipinggirkan.

“Universiti melalui Pusat Pengurusan Orang Kurang Upaya (PPOKU) membantu dalam pelbagai perkara ter-

masuk pengangkutan dan penempatan bilik yang bersesuaian di kolej kediaman.

“Pusat ini juga sentiasa berhubung dengan kami untuk bertanya khabar dan memastikan kami semua sentiasa dalam keadaan yang baik,” katanya.

Asmarina mempunyai kelainan upaya pada penglihatan sejak lahir menyebabkan beliau tidak mampu melihat dengan jelas.

Beliau berkata dia tidak mengganggap kekurangan itu sebagai penghalang mencapai cita-cita untuk menjadi seorang guru kelak.

“Kesukaran melihat perkataan-perkataan kecil adalah cabaran paling besar untuk saya, namun saya berterima kasih kepada para pensyarah yang sentiasa bertimbang rasa.

“Apabila mengetahui keadaan saya, mereka menyediakan bahan pembelajaran dengan menggunakan tulisan

yang besar supaya senang untuk saya belajar,” katanya.

Tambahnya, beliau juga mengambil inspirasi daripada golongan OKU penglihatan sepertinya yang banyak mengecapi kejayaan.

“Saya selalu menetapkan minda, jika mereka boleh, saya pun pasti boleh berjaya,” katanya yang berasal dari Semporna.

Anak keempat daripada enam beradik itu turut menyatakan hasrat untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Diploma Perguruan Lepasan Ijazah (DPLI) pada masa akan datang.

“Untuk itu, saya ingin memberi pesanan kepada rakan-rakan lain yang senasib agar tidak menjadikan kekurangan ini sebagai satu masalah.

“Tetapi anggaplah ia sebagai satu keistimewaan pada diri. Saya sendiri ingin menjadi seorang OKU yang berdikari,” kata Asmarina.